

Harta UMNO akan dituntut semula secepat mungkin

KUALA LUMPUR, 2 Mei — UMNO akan menuntut semula harta miliknya di mahkamah secepat mungkin, kata Presidennya, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, keputusan itu dibuat kerana UMNO sekarang sudah berjaya mengumpul 678,153 surat akuan sumpah bekas ahli UMNO.

"Angka ini menunjukkan bahawa ahli kita sudah melebihi setengah daripada ahli UMNO lama," katanya kepada para pemberita pada sidang akhbar selepas mempengerusikan me-

syuarat Majlis Tertinggi di sini hari ini.

Beliau berkata, masalah itu perlu diselesaikan secepat yang mungkin untuk membolehkan UMNO membayar hutang daripada faedah harta-hartanya.

Faedah

Mengenai nilai sebenar harta UMNO sekarang, beliau berkata, ia sukar ditaksir kerana nilai harta dan faedah sentiasa meningkat mengikut masa.

Katanya, buat masa ini UMNO memiliki wang tunai lebih \$200 juta yang disimpan oleh pemegang amanah raya.

Wang tersebut, menurut Dr. Mahathir, akan digunakan untuk membayar hutang-hutang UMNO dan ini memerlukan wang itu dilabur untuk mengelakkan nilainya susut.

Mengenai kod etika raja-raja, Dr. Mahathir berkata, UMNO akan membuat pertemuan sekali dengan raja-raja.

"Ini kerana ada pihak raja yang membuat cadangan supaya perubahan dibuat pada kod etika itu.

"Oleh itu, belum sampai masanya untuk kita umumkan apa dia kod etika tersebut," jelasnya.